

KANDUNGAN


**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO.11 HINGGA NO.65)**

21 MAR 2016

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 10)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

TARIKH : 21 MAC 2016 [ISNIN]

SOALAN :

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah faedah yang diperolehi apabila Kementerian membuat keputusan untuk menyalurkan lebih banyak komoditi kelapa sawit kepada biodiesel.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program B7 (adunan 7% biodiesel sawit dengan 93% diesel petroleum) telahpun dilaksanakan bagi sektor pengangkutan (runcit, perikanan dan sektor lain yang diberi subsidi) di seluruh negara mulai November 2014.

Pelaksanaan program biobahan api akan dapat meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam negara, di samping memberi faedah-faedah seperti berikut:

- (i) penggunaan minyak sawit mentah (CPO) dalam negara akan meningkat dan ini akan menyumbang kepada pengurangan stok dan penstabilan harga CPO;
- (ii) peningkatan harga CPO akan meningkatkan nilai eksport minyak sawit, sekali gus menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil sawit melalui peningkatan harga buah tandan segar;
- (iii) penjimatan pertukaran wang asing daripada pengurangan import diesel;
- (iv) pengurangan kadar pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gases* - GHG); dan

- (v) peningkatan daya saing loji-loji pengeluaran biobahan api dalam negara dengan adanya permintaan. Buat masa ini, terdapat 18 loji yang beroperasi dengan *installed capacity* sebanyak 2.3 juta tan setahun.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY

TARIKH: 21 MAC 2016

SOALAN:

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan Persekutuan untuk memastikan dasar negara untuk hanya mempunyai 15% pekerja asing dalam tenaga kerja menjelang tahun 2020. Apakah rasional Kerajaan Persekutuan untuk membawa masuk seramai 1.5 juta pekerja asing dari Bangladesh tatkala dasar negara menyarankan agar pekerja asing wajib dikurangkan menjelang tahun 2020; dan
- (b) senaraikan secara terperinci majikan-majikan tempatan dan persendirian yang telah meminta Kerajaan Persekutuan untuk membawa masuk seramai 1.5 juta pekerja asing dari Bangladesh. Apakah sektor-sektor yang dikatakan tidak digemari oleh pekerja tempatan dan akan dipenuhi oleh 1.5 juta pekerja asing dari Bangladesh.

PR-1341-L72551

Tuan Yang Dipertua,

MOU G to G 2012

1. Kerajaan Malaysia pada 2012 telah memutuskan untuk membuka semula penggajian pekerja Bangladesh untuk bekerja di Malaysia melalui mekanisme Kerajaan kepada Kerajaan (*G to G*) setelah ia dibekukan pada tahun 2007. Pada ketika itu, Memorandum Persefahaman (MOU) tersebut hanya dibuka untuk sektor perladangan subsektor kelapa sawit, getah dan ladang hutan sahaja.

2. Kandungan MOU tersebut juga telah **menggariskan dengan jelas tanggungjawab majikan, pekerja, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Bangladesh** demi memastikan kelangsungan pelaksanaan mekanisme ini. Kandungan MOU terbabit turut merangkumi proses dan prosedur serta standard kontrak perkhidmatan yang perlu dipatuhi oleh semua pihak. Menerusi pelaksanaan mekanisme ini, kedua-dua Kerajaan telah **berjaya mengurangkan kos penggajian pekerja Bangladesh ke Malaysia dan menghapuskan unsur bebanan hutang ke atas pekerja.**

Tuan Yang Dipertua,

MOU G to G Plus 2016

3. **Atas permintaan Kerajaan Republik Bangladesh, Kerajaan Malaysia telah bersetuju supaya penggajian pekerja Bangladesh melalui mekanisme *G to G* sedia ada ditambah baik kepada mekanisme *G to G Plus* dan melalui mekanisme baru ini, Bangladesh dibuka sebagai negara sumber kepada semua sektor formal yang dibenarkan.** Pembukaan Bangladesh sebagai negara sumber baru juga akan **memberi pilihan kepada majikan** untuk menggajikan pekerja asing selain daripada 14 negara sumber yang lain iaitu Filipina, India, Indonesia, Kazakhstan, Kemboja, Laos, Myanmar, Nepal, Pakistan, Sri Lanka, Thailand, Turkmenistan, Uzbekistan dan Viet Nam.

4. Rentetan daripada keputusan tersebut, Kerajaan Malaysia telah menandatangani MOU baru (*G to G Plus*) bagi menggantikan MOU *G to G* 2012 pada 18 Februari 2016 di Dhaka, Bangladesh. Kandungan MOU tersebut, **langsung tidak menyentuh sebarang jumlah bilangan pekerja Bangladesh yang akan dibawa masuk ke Malaysia**, sebaliknya hanya menyentuh kepada perkara-perkara untuk ditambah baik. Antara penambahbaikan Konsep *G to G Plus* ini masih menekankan kepada peranan kedua-dua negara baik di pihak Kerajaan Malaysia mahupun Kerajaan Republik Bangladesh serta peranan agensi pekerjaan swasta di Bangladesh yang hanya

berfungsi untuk membantu Kerajaan Republik Bangladesh di dalam merekrut dan menguruskan kemasukan warganya ke Malaysia.

5. Konsep *G to G Plus* ini juga menggunakan sepenuhnya sistem atas talian bermula dari proses permohonan pekerja bagi mengawal penglibatan ejen pekerja asing tidak sah yang menyumbang kepada kenaikan kos penggajian serta risiko kepada eksploitasi pekerja asing. Pelaksanaan *G to G Plus* melalui sistem atas talian adalah bagi **meminimumkan kos penggajian pekerja dan *cost of doing business* kepada majikan.** Selain itu, kesemua kriteria yang ditetapkan di bawah ***G to G* sebelum ini** seperti memastikan majikan yang memohon adalah majikan prinsipal, kewajipan menyediakan kemudahan perumahan, pembayaran gaji minimum, kontrak perkhidmatan, tapisan Imigresen dan saringan kesihatan **adalah dikekalkan.**

6. Kerajaan yakin bahawa pelaksanaan mekanisme ini akan membantu menaikkan penarafan Malaysia di dalam usaha-usaha mencegah dan memerangi aktiviti-aktiviti jenayah perdagangan orang, penyeludupan migran dan amalan buruh paksa.

Tuan Yang Dipertua,

Angka 1.5 juta Pekerja Bangladesh

7. Berhubung angka 1.5 juta pekerja Bangladesh yang didakwa akan dibawa masuk oleh Kerajaan Malaysia, saya ingin tegaskan di

sini bahawa angka tersebut adalah merupakan calon-calon pekerja Bangladesh yang berdaftar dengan Kerajaan Republik Bangladesh yang bersedia untuk bekerja di luar negara. Kerajaan Malaysia masih berpegang kepada dasar bahawa penggajian pekerja asing dari mana-mana negara sumber hendaklah berdasarkan kepada keperluan sebenar industri dan sektor-sektor yang dibenarkan sahaja. Dalam konteks ini, majikan masih diberi kebebasan untuk memilih pekerja asing dari negara sumber yang lain dan tidak terhad kepada pekerja dari Bangladesh semata-mata.

8. Pada 31 Disember 2015, seramai **282,437** pekerja Bangladesh telah dikeluarkan Pas Lawatan (Kerja Sementara) oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Hak Pekerja Tempatan Tidak Dinafikan

9. Kerajaan menghargai sumbangan pekerja asing dalam meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara dan keperluan penggajian pekerja asing terutama dalam sektor pertanian, perladangan dan pembinaan yang sememangnya tidak dapat dielakkan. Namun begitu, Kerajaan **sentiasa berusaha memastikan pekerja tempatan tidak dipinggirkan dan dinafikan hak mereka untuk bekerja di dalam semua sektor pekerjaan** kerana hanya jawatan-jawatan yang tidak diisi oleh pekerja tempatan dalam sektor-

sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing.

10. Demi memastikan hak pekerja tempatan terjamin, Kerajaan telah **mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan** yang ingin menggajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal JobsMalaysia sebelum dikeluarkan Sijil Perakuan Pengesahan Majikan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan.

11. Selain itu, bagi menjaga kepentingan pekerjaan kepada rakyat tempatan, penggajian pekerja asing hanya diluluskan kepada **lima (5) sektor formal** iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan (subsektor tukang masak restoran, pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa, refleksologi, kedi (lelaki) dan pembantu taman tema) yang melibatkan jawatan pekerja am sahaja dan satu sektor informal iaitu pekhidmat domestik yang kurang diminati oleh rakyat tempatan.

12. Oleh itu, dakwaan mengenai penggajian dan kemasukan pekerja asing **menyebabkan rakyat tempatan hilang pekerjaan adalah tidak berasas** kerana purata kadar pengangguran bagi tempoh 2010 hingga 2015 adalah dibawah paras 3%. Ini bererti bahawa **pengisian kekosongan jawatan oleh pekerja asing bukanlah menggantikan pekerja tempatan** dan berdasarkan data

yang diperoleh kebanyakan penganggur adalah terdiri daripada kalangan belia dan graduan universiti yang tidak berminat untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai pekerja am.

13. Berdasarkan **statistik JobsMalaysia sepanjang tahun 2015**, hanya seramai **1,945 rakyat tempatan yang berdaftar sebagai pencari kerja baru dalam kategori pekerjaan asas**. Manakala, permintaan majikan bagi kategori pekerjaan asas adalah jauh lebih tinggi dan keadaan ini telah memaksa Kerajaan membenarkan penggajian pekerja asing oleh majikan demi kelangsungan pihak industri.

14. Walau bagaimanapun, untuk mengawal kemasukan pekerja asing dan demi menjamin peluang pekerjaan rakyat tempatan, Kerajaan juga telah **menetapkan ratio di antara pekerja tempatan dan pekerja asing** bagi setiap sektor dan subsektor yang dibenarkan. Sebagai contohnya, sektor perladangan (kelapa sawit) ialah keluasan tanah 8 hektar untuk seorang pekerja dan getah pula keluasan tanah 4 hektar untuk seorang pekerja. Manakala, untuk sektor perkilangan, bagi syarikat dalam subsektor elektrik dan elektronik, nisbah kelayakan yang ditetapkan adalah 2 pekerja tempatan bagi seorang pekerja asing.

Tuan Yang Dipertua,

15. **Kerajaan beriltizam untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan berhasrat melahirkan 35% pekerja**

mahir di Malaysia menjelang tahun 2020 serta memastikan pekerja asing **tidak melebihi 15% daripada jumlah guna tenaga negara** menjelang tahun 2020 selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-11. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing adalah seperti berikut:

- (i) mempromosi dan memudahcara peluang penempatan pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja;
- (ii) menggalakkan sektor-sektor yang berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020;
- (iii) menetapkan ratio pekerja tempatan dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan; dan
- (vi) mengutamakan *exit policy* kepada penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja tempatan.

Tuan Yang Dipertua,

Senarai Majikan/Industri Yang Memohon Pekerja Bangladesh

16. Kementerian Sumber Manusia **tidak mempunyai senarai majikan atau industri** yang memohon untuk menggajikan pekerja Bangladesh secara spesifik kerana **secara lazimnya majikan akan mengemukakan permohonan** kepada Jabatan Tenaga Kerja, **sekiranya mereka ingin menggajikan pekerja asing**. Jabatan Tenaga Kerja akan menjalankan siasatan untuk **menilai kelayakan seseorang majikan tersebut termasuk dari segi pematuhan kepada standard-standard perburuhan**.

Syarikat Real Time Networking Sdn. Bhd.

17. Berkaitan dengan Syarikat Real Time Networking Sdn. Bhd. pula, Kementerian Sumber Manusia **tidak pernah melantik mana-mana syarikat** untuk menjalankan urusan kemasukan pekerja asing dari mana-mana negara sumber.

Cadangan Untuk Mengambil PATI Sabah Sebagai Pekerja Bagi Menggantikan Pekerja Bangladesh

18. Sementara itu, **penggajian pekerja bukan pemastautin tetap di Sabah dan Sarawak adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing** kerana Sabah dan Sarawak mempunyai ordinan buruh yang tersendiri.

Tuan Yang Dipertua,

Sumbangan Pekerja Asing Kepada Kadar Pertumbuhan Ekonomi Negara

19. Kehadiran pekerja asing di Malaysia telah menimbulkan pelbagai persepsi negatif dan mencetuskan ketidakselesaian dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, **sumbangan golongan ini kepada kadar pertumbuhan ekonomi negara tidak boleh dinafikan.**

20. Kajian Bank Dunia mengenai *Malaysia Economic Monitor: Immigrant Labour 2015* telah menunjukkan bahawa pekerja asing telah menyumbang kepada peningkatan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Menurut kajian tersebut, pengisian kekosongan jawatan pekerja am oleh pekerja asing terutama dalam sektor pertanian telah **menyumbang sebanyak 8% kepada KDNK**. Manakala, bagi sektor perkhidmatan telah **menyumbang sebanyak 19% kepada kadar pertumbuhan KDNK**. Data kajian juga menunjukkan bahawa **95% pekerja asing di Malaysia telah mengisi jawatan sebagai pekerja am.**

Levi Pekerja Asing

Tuan Yang Dipertua,

21. Kerajaan berhasrat untuk memperkemaskan sistem pengurusan pekerja asing sedia ada dengan kadar levi diklusterkan kepada dua (2) kategori. Kerajaan berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk memperkemaskan sistem pengurusan pekerja asing. Pekerja asing pada ketika ini, dikenakan bayaran levi mengikut sektor berbeza-beza.

22. Bayaran levi yang berbeza-beza ini bukan sahaja mengelirukan majikan malah turut mendorong pekerja asing melanggar syarat Imigresen semata-mata untuk berkerja di dalam sektor yang mengenakan bayaran levi yang lebih murah. Oleh yang demikian, satu sistem levi yang lebih efisien diperlukan bagi menggantikan sistem levi sedia ada.

23. Sehubungan itu, kadar levi akan diselaraskan mengikut kategori di mana kategori satu terdiri daripada sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan. Manakala, kategori kedua terdiri daripada sektor perladangan dan pertanian.

24. Pihak Kerajaan juga telah melaksanakan sesi *engagement* dengan wakil-wakil industri dan telah mendapatkan maklum balas terhadap cadangan Kerajaan untuk menentukan kadar levi yang bersesuaian. Kadar levi baharu yang telah ditetapkan oleh Kerajaan

telah mengambil kira maklum balas yang diberikan oleh industri dan kadar ini tidak akan membebankan dan tidak menjejaskan momentum industri.

25. Selain itu, penstrukturan kategori levi juga merupakan komitmen Kerajaan untuk sentiasa menambah baik pengurusan pekerja asing di samping menggalakkan industri berintensifkan buruh untuk beralih ke arah industri berasaskan automasi dan mekanisasi. Peralihan ini dijangka meningkatkan produktiviti serta meningkatkan daya saing industri.

Tuan Yang Dipertua,

Penutup

26. **Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada rakyat tempatan** untuk mengisi sebarang kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh pihak majikan. **Hanya jawatan-jawatan yang tidak diminati atau tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja** akan dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing. Kerajaan juga sentiasa menambah baik dasar penggajian pekerja asing bagi memastikan proses kelulusan, pengambilan, penggajian dan penghantaran pulang pekerja asing **menepati keperluan sebenar industri** dalam ekonomi negara.

27. Selain itu, Kerajaan juga sentiasa memastikan layanan yang sama rata oleh majikan ke atas semua pekerjanya dan tiada unsur

diskriminasi di antara pekerja tempatan dan pekerja asing dalam konteks perburuhan. Kerajaan komited untuk memastikan hak dan kebajikan semua pekerja terjamin selaras dengan peruntukan Akta Kerja 1955 dan amalan-amalan pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) bagi memacu pembangunan Malaysia ke arah sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

SOALAN NO.: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 21 MAC 2016

SOALAN :

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan jumlah peruntukan disediakan kepada pekebun kecil di seluruh negara dan langkah-langkah diambil bagi membantu mereka, dalam menghadapi kejatuhan harga komoditi sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan para pekebun kecil komoditi dan menyediakan pelbagai insentif dan latihan ke arah meningkatkan produktiviti. Langkah ini juga menyumbang ke arah peningkatan pendapatan para pengusaha tanaman komoditi di luar bandar.

Bantuan-bantuan yang telah disediakan kepada para pekebun kecil komoditi adalah seperti berikut:

(i) Sektor Sawit

- Pelaksanaan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) diteruskan pada tahun 2016 dengan menggunakan baki peruntukan sedia ada sebanyak RM28.3 juta;
- Selain itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan telah memperuntukkan RM48 juta untuk melaksanakan Skim Insentif Integrasi Tanaman Dan Ternakan Dengan Sawit untuk tempoh 2016-2020. Tujuan skim ini ialah untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit persendirian khususnya kumpulan B40; dan

- Bagi meningkatkan produktiviti dan amalan pertanian yang baik di kalangan pekebun kecil, Kerajaan telah melantik seramai 167 orang Pegawai TUNAS (Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit). Pegawai-pegawai TUNAS adalah ditempatkan di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan pekebun kecil yang tinggi.

(ii) Sektor Getah

- Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM81.45 juta disediakan untuk program tanam semula dan tanam baru getah melibatkan keluasan 18,800 hektar.

(iii) Sektor Koko

- Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM3.2 juta disediakan untuk pembangunan tanaman baru koko di bawah Program Pembangunan Rantaian Koko Kluster di tiga (3) lokasi yang telah dikenal pasti, iaitu Serian di Sarawak. Ranau di Sabah dan Jerantut di Pahang.

(iv) Sektor Lada

- Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM9.0 juta akan

digunakan untuk membangunkan 450 hektar kawasan tanaman baru lada yang melibatkan seramai 2,250 peserta di seluruh negara.

(v) Sektor Kenaf

- Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM19 juta telah disediakan bagi pembangunan penanaman kenaf seluas 2,500 hektar dan untuk meningkatkan kapasiti pemprosesan kenaf di dua (2) lokasi iaitu di Kelantan dan Pahang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Industri komoditi adalah berorientasikan eksport dan buat masa ini kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia telah memberi kesan negatif terhadap permintaan dan harga komoditi. Dalam hal ini, harga getah telah mengalami penurunan yang ketara berbanding dengan lain-lain komoditi yang masih berada di paras yang kukuh.

Bagi membantu pekebun kecil getah menangani penurunan harga dan kesannya kepada pendapatan golongan ini, program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai 1 Januari 2015 dengan peruntukan awal dana sebanyak RM100 juta. Pada Januari 2016, Paras Harga Pengaktifan IPG telah

dinaikkan dari harga SMR20 RM5.10 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram dan bagi *cuplump* dari RM2.00 kepada RM2.20 sekilogram dengan peruntukan dana tambahan sebanyak 200 juta. Langkah ini membolehkan para pekebun kecil getah dengan pemilikan purata 2 hektar dan produktiviti *cuplump* sebanyak 3,000 kilogram sehektar setahun menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100 berbanding RM1,000 pada kadar lama. Sejak IPG dilaksanakan, peruntukan sebanyak RM11.14 juta telahpun diagihkan berdasarkan 81,163 tuntutan daripada pekebun kecil getah;

- (ii) Menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta kepada koperasi sebagai modal pusingan untuk terlibat di dalam aktiviti urus niaga getah. Menerusi langkah ini, lapisan pembeli akan dapat dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang. Berdasarkan maklum balas, sehingga kini sebanyak 18 koperasi sedang terlibat dalam urus niaga getah dan menawarkan harga secara purata RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding harga yang ditawarkan oleh pembeli getah berlesen; dan
- (iii) Menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi penyediaan infrastruktur kutipan lateks dalam menggalakkan para pekebun kecil meningkatkan pengeluaran lateks. Ini adalah memandangkan harga lateks adalah lebih tinggi berbanding harga *cuplump*. Melalui pendekatan ini, pekebun

kecil dengan purata pegangan 2 hektar dan produktiviti lateks sebanyak 1,500 kilogram sehektar setahun dan jika harga getah pada SMR20 pada paras RM5.21 sekilogram akan dapat menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,052.50.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan terus melaksanakan langkah-langkah jangka pendek dan panjang ke arah menstabilkan harga komoditi getah dan sawit. Ini adalah untuk memastikan para pengusaha tanaman getah dan sawit terutamanya pekebun kecil meraih faedah daripada usaha mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 21.3.2016

SOALAN :

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah orang guru yang berasal dari Sarawak masih berkhidmat di Semenanjung Malaysia. Apakah halangan yang mereka hadapi di mana mereka tidak dapat dipindahkan balik untuk berkhidmat di negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha dan mencari pelbagai kaedah untuk menempatkan anak jati negeri Sarawak berkhidmat di negeri sendiri. Sasaran 90 peratus guru anak tempatan Sarawak berkhidmat di tempat sendiri dijangka tercapai pada tahun 2018. Sehingga 23 Februari 2016, terdapat seramai 3,808 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan kelahiran Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung. Daripada jumlah tersebut 168 adalah memegang jawatan hakiki sebagai pentadbir, 2,571 mengikut pasangan di semenanjung dan 1,069 adalah guru-guru bujang yang tidak memohon pertukaran. KPM bersedia memberi keutamaan untuk menempatkan guru-guru tersebut ke negeri asal jika membuat permohonan

pertukaran. Walau bagaimanapun, keutamaan penempatan dan pertukaran ini akan mengambilkira keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan di negeri tersebut.

RJM34